



prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa berwarna mu



8

KENDERAAN MPV BANTU PERGERAKAN PDRM
BANTERAS JENAYAH DENGAN LEBIH CEPAT

SPANCO SDN. BHD.

ISSN 1675-1361



9 771675 136103

06

**MENJEK RESIPI
KEJAYAAN
SEPANJANG
LEBIH 20 TAHUN**

12

**SERVIS BERJADUAL
PENTING UNTUK
KEKALKAN
PRESTASI OPTIMUM**

14

**TEKNOLOGI TERUS
'MENGAUMKAN'
KERETA ANDA DI
2015**





04



06



14



08



18

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 1 | Jan - Feb 2015
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalaludin

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 Pertingkatkan Khidmat
Menjangkau Sasaran Untuk
2015

YANG PERLU ANDA TAHU

04 Tahap Keupayaan Tinggi,
Kos Tetap Antara Manfaat
Utama 'Outsourcing'

MENJEK INSPIRASI

06 Menjejak Resipi Kejayaan
Sepanjang Lebih 20 Tahun

KATA MEREKA

08 Kenderaan MPV Bantu
Pergerakan PDRM Banteras
Jenayah Dengan Lebih Cepat

10 Lakukan Rondaan Sebaik
Mungkin untuk Kesejahteraan
Semua Penduduk

SERVIS ITU PENTING!

12 Servis Berjadual Penting
Untuk Kekalkan Prestasi
Optimum

PERSADA INOVASI

14 Teknologi Terus
'Mengaumkan' Kereta Anda Di
2015

MERAKAM CATATAN

16 Menghulurkan Bantuan
untuk Misi Bantuan Mangsa
Banjir

16 Taklimat Pemandu
sempena Mesyuarat Panglima
Angkatan Tentera ASEAN 2015

16 Lawatan Jabatan Logistik
IPK Selangor, PDRM

16 Bergambar Kenangan
Bersama Kakitangan Audit
SPANCO

17 Pemukiman Menteri-
Menteri Ekonomi ASEAN Ke-21

LIBUR DESTINASI

18 Nexus Golf Resort
Karambunai: Cipta Cabaran dan
Kedamaian Buat 'Kaki Golf'

BICARA SIHAT

20 Teleperubatan dan
Penjagaan Kesihatan Dari
Rumah Bakal Jadi Trend

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Kedah dan Pulau Pinang

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



PERTINGKATKAN KHIDMAT MENJANGKAUI SASARAN UNTUK 2015

Alhamdulillah dan syukur diberi kesempatan untuk terus melangkah menghadapi cabaran 2015 bersama-sama warga kerja yang menjadi tunjang kejayaan SPANCO. Tugas dan tanggungjawab yang menanti di tahun 2015 baru bermula. Pelaksanaan hanya boleh dicapai melalui kesungguhan radikal dan ketepatan bertindak, menggembeng usaha secara bersepadu untuk mencapai matlamat yang sama.

2014 adalah satu perjalanan yang sangat memberangsangkan. Pengedaran kereta Proton Perdana baharu kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan yang bermula awal tahun lalu merupakan satu perkembangan positif setelah menanti sejak 2011 lagi. Pertambahan jumlah fleet yang mencecah lebih 10,000 unit kereta pada tahun lepas memberikan

satu lagi cabaran menguruskan fleet yang semakin besar secara lebih efisien. Justeru itu, kerjasama yang lebih padu daripada Kementerian dan Jabatan amat penting bagi memantau prestasi kereta, khususnya yang berkaitan dengan kemalangan dan perlakuan pemandu.

Pada April dan Ogos 2014 juga, dua sesi Seminar Pegawai Kenderaan Kerajaan telah berjaya diadakan dan diharap objektif untuk memupuk kesedaran serta rasa tanggungjawab memastikan setiap kereta dijaga dan diuruskan dengan baik akan tercapai. Kami juga berharap sikap dan semangat kepunyaan terhadap kereta fleet akan terus disemat di hati semua pengguna. Secara tidak langsung, ia membantu dari segi keselamatan semasa menggunakan kereta, meningkatkan kecekapan perbatuan yang merupakan kos langsung yang ditanggung oleh Kementerian,

mengurangkan masa tergendala dan menghindarkan kemalangan serta kecederaan pemandu juga penumpang.

Tahun 2014 juga menyaksikan banyak pelaburan dibuat untuk memberikan khidmat terbaik kepada pelanggan dan di 2015 ini SPANCO akan terus mempertingkatkan pelaburan di dalam sistem, peralatan dan latihan kakitangan bagi menjamin prestasi fleet yang sempurna dan diyakini malah menjangkau kehendak pelanggan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama terus membawa kecemerlangan kepada keterbilangan obor yang berkekalan di tahun 2015 ini.

DATO' HAMZAH MOHD SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif

Tahap Keupayaan Tinggi, Kos Tetap Antara Manfaat Utama 'Outsourcing'

BERMULA DARI JILID PERTAMA 2015, MAJALAH PRIHATIN AKAN MEMAPARKAN RENCANA MENGENAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN FLEET DI DALAM SETIAP KELUARAN. SIRI PERTAMA MEMBINCANGKAN MENGENAI 'OUTSOURCING'.



PENYUMBERAN luar (outsourcing) dalam pembekalan dan penyenggaraan fleet kenderaan telah dikenal pasti mampu membantu meningkatkan kecekapan pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Kaedah 'outsourcing' yang mula diperkenalkan di Malaysia lebih 30 tahun lalu adalah amalan menggunakan pihak ketiga yang lebih pakar untuk mengurus dan mengendalikan sesuatu tugas.

Dalam bidang pengurusan fleet, 'outsourcing' akan memberi kebaikan kepada kedua-dua belah pihak di mana Kerajaan Malaysia menikmati perkhidmatan yang tiada tandingnya pada kadar sewa serta kos senggaraan dan pembaikan yang tetap.

Dari sudut kewangan pula, Kerajaan menikmati penjimatan kos serta-merta sebaik saja menyerahkan urusan pengendalian fleet kenderaan kepada syarikat pakar.

MANFAAT UTAMA 'OUTSOURCING'

- tidak perlu modal perbelanjaan tinggi.
- dapat mengatasi kekangan belanjawan.
- terhindar daripada kos yang tidak terkawal melalui caj senggaraan dan pembaikan yang tetap.
- pengurusan fleet diambil alih oleh pakar/profesional.
- membolehkan perhatian penuh ditumpukan kepada operasi teras.
- bebas daripada urusan pentadbiran fleet yang rumit.



SECARA RINGKAS, KERAJAAN MENIKMATI PELBAGAI MANFAAT MELALUI KEPAKARAN YANG DISEDIAKAN OLEH SPANCO SEPERTI



Tidak perlu menanggung beban pengurusan dan sumber manusia - ini tidak sahaja mampu **menjimatkan kos** malahan masa dan tenaga.

Kenderaan diganti pada kitaran **penggantian yang tetap** sekali gus tiada lagi masalah kos senggaraan yang tidak terkawal atau kerosakan berulang akibat terlalu usang.

Kenderaan diservis dan diperiksa dengan kerap bagi prestasi serta kendalian yang optimum sekali gus Kerajaan memiliki fleet yang sentiasa bersedia dengan tahap keupayaan **melebihi 98 peratus**.

Dilindungi daripada **naik turun harga pasaran** kereta terpakai ketika pelupusan. Bermakna, masalah ketidaktentuan harga kereta terpakai yang perlu dilupuskan dapat diatasi.

Tidak perlu **menguruskan kemalangan** kerana segala kerosakan atau kemalangan diuruskan SPANCO yang memiliki kepakaran.

Tiada **lebih kos** kerana caj senggaraan yang tetap telah ditentukan. Ini bermakna tiada kos tambahan perlu ditanggung oleh Kerajaan melainkan jika berlaku kecuaihan.

Menikmati **mutu perkhidmatan** yang sentiasa dipertingkatkan dan rekod perkhidmatan cemerlang selama 20 tahun dalam menguruskan fleet.

Pasukan yang **berpengalaman luas** dalam bidang pengurusan fleet dan automotif.

Urusan **pengambilalihan fleet** kenderaan dapat dilaksanakan serta-merta.

Rangkaian perkhidmatan penyenggaraan **seluruh negara**.

Laporan dan **analisa** fleet terperinci.

Khidmat bantuan kecemasan **24 jam**.

Pengurusan **saman** trafik, pihak berkuasa tempatan dan AES.



Di samping itu, Kerajaan turut memperoleh hasil pendapatan baru daripada pelaksanaan tersebut iaitu dalam bentuk cukai jualan, duti eksais dan bayaran pindah milik.

Malah paling mustahak, kaedah 'outsourcing' membolehkan Kerajaan memberikan sepenuh tumpuan kepada operasi teras dan pada masa yang sama, operasi sampingan yang bukan teras (iaitu menguruskan fleet kenderaan) dapat diperbaiki.


Dengan menyerahkan pengurusan fleet kepada tenaga pakar dan profesional seperti SPANCO, Kerajaan sekali gus dapat mempertingkatkan keupayaan dalam operasi terasnya iaitu menyediakan khidmat awam yang bermutu kepada masyarakat.

Siri yang berikutnya akan membicarakan tentang kelebihan penyewaan kenderaan fleet melalui sewa pajak berbanding pemilikan secara pembelian terus.



MENJEJAK RESIPI KEJAYAAN SEPANJANG LEBIH 20 TAHUN

SOROTAN PERISTIWA



LEMBARAN sejarah SPANCO bermula apabila mengambil alih fleet kenderaan saloon milik Kerajaan Malaysia melalui perjanjian yang ditandatangani bersama pada 1 Januari 1994. Sejak itu, fleet telah berjaya ditransformasikan kepada tahap keupayaan yang lebih tinggi melalui sistem, teknologi dan aplikasi lancar yang dibangunkan SPANCO.

Perkhidmatan SPANCO bukan hanya sekadar membekalkan kereta kepada Kerajaan Persekutuan tetapi sebenarnya lebih daripada itu. Sebaik sahaja kunci

kereta diserahkan kepada pelanggan, perkhidmatan SPANCO terus bermula. Segala urusan kawal selia, penyenggaraan dan baik pulih bagi memastikan kereta di dalam keadaan terbaik dan sentiasa bersedia untuk digunakan oleh pelanggan diuruskan oleh SPANCO sepanjang lima tahun yang berikutnya.

Segalanya-galanya harus teliti dan profesional kerana itulah menguruskan fleet sebenarnya agak rumit dan tidak mudah seperti yang disangka. Namun, dua kelebihan utama SPANCO iaitu memiliki

sistem pengurusan fleet bersepadu yang dibangunkan sendiri hasil pengalaman lebih 20 tahun dalam menguruskan fleet dan memiliki dua kemudahan pusat servis yang menyediakan perkhidmatan khusus untuk fleet Kerajaan Persekutuan adalah resipi kejayaan SPANCO.

Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu
 SPANCO adalah sebuah sistem teknologi maklumat yang unik dibangunkan khusus untuk menguruskan fleet Kerajaan Persekutuan. Ia menggabungkan antaranya pengurusan aset, rekod

sejarah servis, pengurusan rangkaian servis dan maklumat analisis serta laporan eksekutif. Satu-satunya sistem yang julung kali terdapat di Malaysia kerana sistem seumpama ini tidak terdapat di negara-negara lain.

Sepanjang lebih 20 tahun menguruskan fleet Kerajaan Pusat, sejumlah lebih RM5 juta dilaburkan untuk membangunkannya dan melalui sistem yang sentiasa dipertingkatkan ini, SPANCO berupaya mengurus dan mengawal kos yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan,

meningkatkan kecekapan fleet dan menguruskan rangkaian pusat servis seluruh negara dengan lebih berkesan.

Dua Pusat Servis Utama SPANCO yang dipanggil Pusat Servis Wilayah atau singkatannya, PSW terletak di Batu Caves dan Bangi. Ianya disediakan khusus untuk menyenggara dan membaik pulih kereta-kereta fleet Kerajaan Persekutuan. Bermakna setiap kereta pelanggan akan diberikan keutamaan kerana kedua-dua kemudahan ini dibina semata-mata untuk mereka. Selain dua pusat servis

utama, terdapat 200 PSD disediakan dari Utara, Pantai Timur, Selatan Semenanjung hingga ke Sabah dan Sarawak.

Sejak SPANCO mengambil alih fleet Kerajaan Persekutuan, fleet telah mengalami transformasi dan peningkatan dari segi prestasi di mana saiz fleet kini melebihi 10,000 unit dengan tahap keupayaan pada 98%.

Kerajaan Malaysia juga dijamin fleet yang berusia tidak melebihi 5 tahun kerana setiap kereta akan diganti dalam tempoh itu sekali gus pengguna akan menikmati model yang terkini.

SEPANJANG 20 TAHUN

Jun 2008

Majlis penyerahan dan pelancaran 2,000 unit kereta pegawai penyiasat PDRM diadakan di PSW Batu Caves.

April 2009

Customer's Dashboard diperkenalkan kepada pelanggan.

Ogos 2010

Sejumlah 100 kereta peronda polis jenis Waja CPS 1.6 AT diserahkan kepada pengurusan PDRM.

Jun 2012

Pusat Servis Wilayah Bangi yang baharu mula beroperasi sepenuhnya.

2014

Jun 2008

ASC e-approval khusus untuk Pusat Servis Diiktiraf (PSD) mendapatkan kelulusan melalui Internet diperkenalkan.

Mac 2010

PSW Batu Caves memenangi tempat pertama Anugerah Prestasi Wakil Servis Terbaik 2009/2010 Bagi Wilayah Tengah daripada Proton Edar.

Januari 2011

SPANCO menerima penganugerahan BrandLaurete.

Januari 2014

Proton Perdana baharu mula diedarkan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan.



KENDERAAN MPV BANTU PERGERAKAN PDRM BANTERAS JENAYAH DENGAN LEBIH CEPAT

Memikul tugas yang diamanahkan sebagai Pegawai Pengangkutan Daerah (Operasi) Petaling Jaya, memerlukan ketangkasan dan keupayaan yang tinggi dalam menguruskan fleet kenderaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi Petaling Jaya khususnya. Apatah lagi berhadapan dengan kereta-kereta peronda yang telah menjangkau usia lebih empat tahun dan kerap mengalami kerosakan adalah cabaran hebat buat ASP Mohamad Akib Che Amat.

ASP MOHAMAD AKIB berkata, buat masa ini terdapat 376 unit kenderaan di bawah kawal selia Ibu Pejabat Daerah (IPD) Petaling Jaya terdiri daripada pelbagai jenis seperti motosikal ringan dan berat, pacuan empat roda, lori dan sebagainya termasuklah 'mobile patrol vehicle' atau MPV.

MPV merupakan kereta peronda pasukan keselamatan yang dilengkapi kelengkapan-kelengkapan khas seperti lampu siren biru dan peralatan komunikasi berteknologi tinggi yang digunakan untuk tugas perondaan dan menjaga keselamatan awam.

"MPV merangkumi 74 unit dari keseluruhan kenderaan IPD Petaling Jaya di bawah seliaan saya. Kalau nak ikutkan jumlah ini memang mencukupi tetapi hanya sekiranya semua dapat berfungsi 100% atau jika berlaku kerosakan, perlu dibaiki dengan segera. Namun, apa yang berlaku sekarang ialah MPV kini kian menghampiri penghujung tempoh pajakan (selama 5 tahun). Kerosakan pasti ada dan sedikit sebanyak mengganggu tugas-tugas anggota polis.

"Terdapat lapan buah balai polis di Daerah Petaling Jaya iaitu Balai Polis Petaling Jaya, Balai Polis Sea Park, Sungai Way, Damansara, Kota Damansara, Sri Damansara, Kelana Jaya dan Airport. Pengagihan MPV-MPV ini kepada balai-balai kami adalah mengikut keperluan yang dikaji oleh sebuah unit yang dipanggil Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti atau JPJK. Sungai Way dan Damansara contohnya merupakan dua 'hotspots' atau kawasan panas yang mempunyai kadar

jenayah tinggi kerana itu lebih banyak rondaan perlu dilakukan sebagai langkah pencegahan,"terangnya.

Di sinilah keupayaan Pasukan PDRM diuji dalam menguruskan pemantauan dan pergerakan MPV terutama di kawasan-kawasan yang memerlukan pemerhatian yang lebih ini. Justeru, menurut ASP Mohamad Akib, setiap MPV dibekalkan dengan alat *Mobile Data Terminal* (MDT) di mana kedudukannya dapat dikesan oleh bilik gerakan 'Command, Control,

Communication and Computer Integration System' atau singkatannya, C4i. Selain perhubungan melalui sistem komunikasi berteknologi tinggi itu, anggota peronda juga perlu melaporkan kedudukan mereka setiap jam dan jika berlaku sebarang insiden, mesti melaporkan dengan lebih kerap.

Memandangkan MPV digunakan untuk membuat rondaan 24 jam sehari, maka sudah semestinyalah jumlah perbatuan yang dicatatkan juga adalah tinggi

ASP Mohamad Akib Che Amat
Pegawai Pengangkutan Daerah (Operasi)
Petaling Jaya, Selangor





MPV KINI KIAN MENGHAMPIRI PENGHUJUNG TEMPOH PAJAKAN (SELAMA 5 TAHUN). KEROSAKAN PASTI ADA DAN SEDIKIT SEBANYAK MENGGANGGU TUGAS-TUGAS ANGGOTA POLIS.

**ASP MOHAMAD AKIB
CHE AMAT**

berbanding kenderaan PDRM yang lain iaitu pada kadar purata 5,000km setiap bulan. Rondaan tanpa henti dibuat melalui tiga syif iaitu pertama dari jam 8 pagi hingga 4 petang, kedua dari jam 4 petang hingga 12 tengah malam dan ketiga dari jam 12 tengah malam hingga 8 pagi.

"Bahagian Logistik kami akan memantau tahap penggunaan MPV melalui perbatuan yang direkodkan. Jika kurang dari sepatutnya maka punca mesti dicari. Mungkin ia mengalami kerosakan. Di samping itu, pihak SPANCO juga akan memaklumkan kami tentang senarai kereta-kereta peronda yang dimasukkan ke dalam bengkel sama ada menjalani servis lazim mahupun pembaikan. Maklumat ini sentiasa dikemas kini melalui e-mel dan sistem pesanan ringkas yang dihantar kepada pasukan kami setiap pagi," jelas beliau.

Menurut ASP Mohamad Akib, disebabkan penggunaan MPV yang kerap dan lasak, terdapat perbezaan mengurusannya berbanding kereta-kereta jenis lain di mana MPV memerlukan perkhidmatan yang cepat, alat ganti ditukar dengan segera, tempoh berada di bengkel yang tidak lama, kenderaan yang rosak diuruskan secara sistematik dan penyimpanan rekod-rekod yang lebih teratur lagi lengkap.

Buat masa ini, daripada 74 unit MPV yang

digunakan oleh IPD Petaling Jaya, 68 unit dibekal oleh SPANCO sejak Ogos 2010 manakala selebihnya iaitu sebanyak enam unit diuruskan sendiri oleh Pasukan. Selain MPV, SPANCO juga membekalkan kereta-kereta Investigating Officer (I.O.) untuk pegawai-pegawai penyiasat IPD Petaling Jaya iaitu sebanyak 31 unit.

Sambung beliau lagi: "Dari segi perkhidmatan, kereta-kereta yang diuruskan SPANCO berbanding Pasukan memang ada perbezaan terutamanya dari segi pengurusan kerosakan dan kemalangan. Misalnya untuk mendapatkan alat-alat ganti bagi kereta yang rosak, proses dan masa yang diambil oleh SPANCO adalah lebih cepat kerana ia membabitkan pelbagai pihak seperti stok, bahagian kewangan dan lain-lain. Banyak prosedur yang perlu kita patuhi.

"Begitu juga jika terdapat kemalangan. Dengan SPANCO tak banyak protokol untuk mendapatkan pembaikan melalui insurans dan dokumen pun tak banyak yang perlu difailkan. Tetapi jika diuruskan oleh PDRM, akan mengambil masa yang lama kerana membabitkan banyak pihak lain termasuk Ibu Pejabat dan Jabatan Kerja Raya," ujarnya.

Berikutan itu juga, ASP Mohamad Akib amat berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan SPANCO

dalam urusan pembekalan dan penyenggaraan kereta MPV. Namun begitu, beliau amat berharap supaya beberapa aspek dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi.

"MPV perlu diberikan keutamaan berbanding kereta-kereta yang lain. Selain itu, saya berharap agar sebuah pusat perkhidmatan 24 jam yang berdekatan dengan IPD Petaling Jaya dapat disediakan memandangkan pusat servis utama yang terletak di Batu Caves dan Bangi agak jauh dari kami.

"Sasaran kami supaya setiap kenderaan dapat diganti segera jika berlaku kerosakan. Kita perlukan kereta ganti atau 'backup' untuk kereta-kereta peronda ini. Ia amat penting kerana perkhidmatan PDRM adalah menjaga keselamatan 24 jam. Akhir-akhir ini, banyak kejadian kerosakan pada kereta MPV memandangkan usia yang melebihi empat tahun dan ini menyukarkan kami.

"Kita sendiri kekurangan 'manpower', jadi dengan adanya SPANCO menguruskan MPV banyak membantu dan memberi lebih manfaat kepada anggota keselamatan yang bertugas. Kita boleh lebih fokus dan menumpukan pada kerja berbanding memikirkan mengenai masalah kereta," ujar ASP Mohamad Akib lagi.

LAKUKAN RONDAAN SEBAIK MUNGKIN UNTUK KESEJAHTERAAN SEMUA PENDUDUK

MENYELIA kawasan Damansara dengan keluasan 40.5km persegi dan jumlah penduduk seramai 433,514 orang, Sarjan Mat Din Hussin, 104955, ternyata komited dalam menjalankan tugas memantau kawasan di bawah pengawasannya dengan peratus Melayu sebanyak 40%, Cina 45%, India 10.1% dan selebihnya yang lain-lain. Bertugas sebagai Penyelia MPV Balai Polis Damansara, beliau yang juga bekas pemandu pasukan peronda telah berkhidmat di dalam PDRM selama 33 tahun.

Berani dan tidak gentar menjalankan tugas, baginya itulah tanggungjawab yang harus dipikul walaupun terpaksa berhadapan dengan bahaya setiap hari. Baginya ia bukanlah ancaman tetapi amanah yang harus dipikulnya saban hari demi menjaga keselamatan masyarakat.

Kepadatan penduduk di sekitar kawasan Damansara ini agak tinggi. Dengan pertambahan penduduk dan pertumbuhan kawasan-kawasan perumahan baharu ditambah dengan yang sedia ada, menjadikan tugas anggota peronda lebih mencabar terutama dalam mengendalikan kes-kes jenayah yang berleluasa dewasa ini. Penumpuan harus diberikan sama rata demi menjaga keselamatan awam.

"Kami anggota PDRM telah dilatih untuk menghadapi apa juga situasi sama ada berhadapan dengan orang awam mahupun musuh. Semasa saya bertugas sebagai pemandu kereta peronda dulu, bahaya memang ada di mana-mana



Sarjan Mat Din Hussin menyampaikan taklimat kepada pasukan peronda Balai Polis Damansara.

namun alhamdulillah semuanya berjalan dengan baik. Dengan latihan yang cukup, setiap anggota lebih cekap untuk menghadapi segala situasi. Ditambah dengan bimbingan daripada pegawai atasan yang banyak membantu.

"Kini, tugas saya lebih kepada pemantauan anggota iaitu 11 orang anggota peronda dan 47 orang anggota balai. Pengalaman yang luas dalam bidang rondaan memudahkan saya menyelia anak-anak buah saya. Setiap anggota peronda menggunakan sama ada kereta MPV atau motosikal untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan perumahan. Kita juga memastikan pergerakan kedua-dua kenderaan ini tidak berada jauh antara satu dengan lain bagi memudahkan bantuan dihulurkan sekiranya terdapat sebarang kejadian jenayah," ujarnya lagi.

Selalunya semasa meronda, polis akan melihat keadaan kawasan. Kalau siang, peronda akan tumpukan kepada kawasan yang lebih ramai orang, memfokuskan

kepada kes-kes ragut dan samun. Kawasan sekolah adalah tumpuan utama di mana pasukan peronda akan pastikan keadaan jalan raya tidak sesak dengan kenderaan, murid-murid sekolah mudah melintas dan tiada sebarang masalah kepada mereka.

Selepas jam 10 pagi pula, tumpuan akan diberikan kepada kawasan komersial seperti pusat membeli-belah dan bank-bank kerana di sinilah selalunya terjadi kejadian samun, ragut dan jenayah lain. Waktu ini, pusat komersial akan sesak dan trafik akan meningkat, jadi kehadiran anggota keselamatan peronda boleh mengurangkan risiko jenayah terjadi.

Apabila waktu malam pula, tumpuan akan diberikan di tempat-tempat yang sering berlaku jenayah seperti kawasan-kawasan kedai 24 jam dan di taman-taman. Rondaan pada waktu ini adalah bertujuan untuk pencegahan. Apabila lampu siren biru dipasang, orang awam dapat melihat kehadiran polis dan begitu juga penjenayah. Ini sekaligus dapat mencegah daripada berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Sama seperti anggota keselamatan lain, persiapan rapi perlu dilakukan sebelum melakukan rondaan. Secara fizikal, keterampilan diri harus diutamakan dan ianya penting bagi menjaga imej PDRM. Dari segi mental, beliau dan pasukannya mesti sentiasa dalam keadaan bersedia sebaik sahaja melangkah memulakan tugas. Untuk keselamatan, peralatan-peralatan penting yang dibekalkan seperti senjata api dan baju kalis peluru haruslah dalam keadaan baik. Sentiasa memastikan peluru dibawa mencukupi dan membawa peralatan-peralatan lengkap yang dibekalkan antaranya panduan prosedur operasi, laluan kod, kon trafik, plastik mayat dan lain-lain. Paling penting keadaan kereta MPV juga haruslah selamat untuk digunakan dan tiada kerosakan.

"Pemeriksaan biasa akan selalu dilakukan pada kereta MPV oleh anggota-anggota peronda bagi memastikan ia berada dalam keadaan selamat mengikut kemampuan MPV tersebut dan tiada kerosakan dari semua aspek. Lazimnya bagi kenderaan SPANCO, servis dan pembaikan dilakukan dengan segera. Untuk kerosakan, anggota kami akan menguruskan kereta-kereta yang rosak untuk dihantar ke pusat servis di Batu Caves. Namun sekiranya tidak dapat dihantar, SPANCO akan datang ambil MPV tersebut.

"MPV yang digunakan kini sudah lama usianya melebihi 4 tahun. Kita sedari bahawa semakin tinggi jarak perbatuan, maka semakin kerap pula masalah servis utama yang dihadapi seperti melibatkan enjin, transmisi dan sebagainya. Namun tempoh pembaikan bergantung kepada tahap kerosakan. Jika 'breakdown' berlaku, SPANCO akan berusaha sebaik mungkin membaiki MPV tersebut secepat mungkin," jelasnya lagi.

Sarjan Mat Din berpendapat perkhidmatan SPANCO setakat ini adalah memuaskan dan beliau berpuas hati dengan servis yang disediakan dari segi pembekalan dan penyenggaraan. Menurutnya lagi, ini kerana walaupun usia MPV kini menjangkau usia yang dikira agak lama bagi sesebuah kenderaan peronda, namun SPANCO akan memastikan ia berada dalam keadaan baik.

Menyentuh mengenai jumlah MPV yang disediakan untuk Balai Polis Damansara, beliau menjelaskan, terdapat 11 unit MPV kesemuanya, yang mana dua darinya adalah MPV Pasukan. Kalau diikutkan jumlah tersebut memang tidak mencukupi, apatah lagi dengan pertambahan penduduk di kawasan-kawasan penempatan baru.

"Pembangunan perumahan memang menggalakkan dan kita perlu buat rondaan sebaik mungkin untuk semua penduduk. Kawasan ini luas dan banyak lorong yang perlu kita awasi bagi mengurangkan kadar jenayah lebih-lebih lagi Damansara adalah sebuah kawasan panas dan diletakkan di bawah NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara)," tegasnya mengakhiri perbualan.

WALAUPUN USIA MPV KINI MENJANGKAUI USIA YANG DIKIRA AGAK LAMA BAGI SESEBUAH KENDERAAN PERONDA, NAMUN SPANCO AKAN MEMASTIKAN IA BERADA DALAM KEADAAN BAIK.

SARJAN MAT DIN HUSSIN

Penyelia MPV
Balai Polis Damansara



Kereta-kereta peronda PDRM yang mempamerkan plat pendaftaran berwarna kuning menandakan ia dibekal dan diservis oleh SPANCO.

SERVIS BERJADUAL PENTING UNTUK KEKALKAN PRESTASI OPTIMUM



KEJADIAN sebuah kenderaan terkandas yang menyebabkan kesesakan lalu lintas sepanjang lebuh raya mungkin satu fenomena biasa yang mungkin pernah dialami oleh sesetengah pembaca.

Jika diselidiki, kebanyakan kerosakan tersebut berpunca dari masalah enjin yang telah diabaikan aspek penjagaannya.

Untuk mengelakkan ia dari berlaku, kita semua perlu peka terhadap keperluan servis terutama sekali servis berjadual.


Jadual servis haruslah mematuhi saranan pengilang supaya kereta

yang dipandu dapat mencapai tahap operasi yang optimum.

Jangka hayat sesebuah kereta yang telah dijaga dengan baik juga mampu dilanjutkan.

Selain itu, servis rutin secara berkala mengekalkan penjimatan petrol apabila sistem pembakaran, transmisi dan gantungan dapat berfungsi secara serasi dengan lancar dan berkesan.

Anda juga lebih yakin memandu kereta yang dijaga dengan rapi dan penumpang yang anda bawa akan turut merasa lebih selesa dan selamat menaikinya.



MEMATUHI SERVIS SECARA BERJADUAL

- 1 memastikan kereta dapat mencapai tahap operasi yang optimum.
- 2 menjimatkan petrol.



- 3 meningkatkan keselesaan dan keselamatan penumpang.
- 4 mencegah kerosakan teruk enjin serta bahagian-bahagian lain seperti tayar, brek, sistem transmisi, sistem gantungan, penyejukan dan sebagainya.

CEGAH SEBELUM ROSAK

Jadual penyenggaraan menyenaraikan maklumat berkaitan tempoh dan jarak di mana bahagian atau alat ganti tertentu perlu diperiksa ataupun diganti.

Antaranya, penukaran minyak enjin adalah aspek servis paling utama yang tidak boleh dipandang remeh. Jika tidak dilakukan mengikut tempoh atau jarak perbatuan yang disyorkan, boleh merosakkan komponen dalaman kerana kecekapan minyak enjin sebagai bahan pelincir akan susut mengikut hayat penggunaan dan suhu yang terlampau tinggi.

Alat-alat ganti yang lazim ditukar atau diservis mengikut jarak perbatuan tertentu adalah seperti penapis

minyak, penapis udara, penjajaran tayar, sistem penyejukan, sistem transmisi dan brek.

Selain itu, semasa menjalani servis berjadual, mekanik akan melakukan servis cegahan dengan memeriksa komponen tertentu bagi mencegah kerosakan sebelum berlaku.

Anda mengundang padah kepada diri sendiri dan penumpang jika mengabaikan mana-mana aspek servis kereta yang anda pandu. Jika tidak dilakukan mengikut tempoh yang sepatutnya, kerosakan yang lebih teruk boleh berlaku.

Bayangkan kesulitan yang akan menimpa anda dan penumpang



SENARAI SERVIS RUTIN YANG LAZIM DAN ANTARA ALAT GANTI YANG DITUKAR:

Minyak enjin dan penapis	Putaran tayar	Bendalir casis	Penapis udara	Penapis bahan bakar	Penapis kabin (untuk pendingin hawa)
Bendalir penyejuk	Servis transmisi	Servis gandar	Servis bateri	Tali sawat penalaan	



jika masalah tiba-tiba sahaja terjadi semasa di dalam perjalanan ke tempat kerja, mesyuarat atau majlis penting.

Lebih buruk lagi jika pengabaian servis membawa kepada malapetaka di jalan raya akibat enjin atau brek gagal berfungsi, tayar meletup atau sebagainya.

Justeru, jangan sekali-kali lupa untuk menghantar kereta untuk diservis walaupun anda mempunyai jadual harian yang sibuk. Anda boleh membuat tempahan atau temu janji servis yang boleh disesuaikan dengan jadual anda supaya kelancaran tugas anda tidak terganggu.

TEKNOLOGI TERUS 'MENGAUMKAN' KERETA ANDA DI 2015

APA YANG MENANTI ANDA DI 2015? TREND TEKNOLOGI PASTI MEMBUATKAN ANDA TIDAK SABAR MENANTI YANG TERBARU. SEMEMANGNYA HIDUP TANPA SEMPADAN. REKA Cipta TEKNOLOGI ADA DI MANA-MANA. MARI KITA LIHAT APA YANG BAKAL MENGHANGATKAN KERETA ANDA TAHUN INI.



CARI RUANG PARKIR, CARI KERETA ANDA

Sukar mendapat ruang parkir dan lupa di mana meletakkan kereta? Dua masalah utama sering dihadapi pemandu. Kini, masalah tersebut bukan lagi beban dengan teknologi yang boleh membantu pemandu mendapatkan ruang parkir kosong walaupun berada di tempat yang padat. Kemudian, alat ini akan mengingatkan pemandu di mana mereka meletakkan kereta. Syarikat seperti 'ParkMe' dan 'SpotHero' menawarkan perkhidmatan ini selain khidmat mendahulukan caj parkir sebelum tiba ke destinasi. Volkswagen juga mempunyai sistem 'Lokasi Terakhir Parkir' untuk membantu pemandu mengingati di mana mereka meninggalkan kereta kesayangan mereka.

APPLE CARPLAY DAN AUTO ANDROID

Kedua-dua platform ini boleh mengubah sistem hiburan kereta anda menjadi satu versi sistem operasi telefon pintar. Bermakna apa yang terpapar pada skrin papan pemuka kereta adalah sama seperti di skrin telefon pintar anda menjadikan ia lebih serasi. Contohnya, iPhone 5S boleh disambungkan kepada

Apple CarPlay pada Honda Civic 2015, dan melalui teknologi pengecaman suara 'Siri Eyes Free', arahan boleh diberikan semasa memandu untuk mengakses pelbagai aplikasi seperti mencari arah jalan, memeriksa peti simpanan suara, melayari koleksi muzik dan sebagainya.





PENYEMBUR PEWANGI

Masuk ke dalam kereta kadangkala membuatkan kita tidak selesa dengan bau yang kurang menyenangkan. Mercedes-Benz S-Class 2014 telah mencipta 'sistem pewangi aktif' yang menyemburkan pewangi ke dalam ruang kabin setiap lima minit melalui penyaman udara. Satu ciptaan terbina di dalam yang nampak mudah tetapi unik dan sangat praktikal. Tahap keharuman boleh dikawal di samping menyediakan pilihan sesuai untuk 'mood' tertentu seperti 'Nightlife', 'Downtown', 'Freeside', dan 'Sports'. Pastinya anda kini boleh terus memandu dengan suasana tenang dan nyaman.



LAMPU LASER

Jika Toyota menjadikan lampu LED sebagai peralatan standard untuk setiap kereta Corolla keluarannya, maka Audi dan BMW turut berlumba memberikan sentuhan lampu laser pada model terbaharu mereka. Lebih kecil, lebih berkuasa dan lebih efisien dari LED. Walaupun masih tidak diluluskan kegunaannya, namun lampu laser direka dengan teknik 'resapan' untuk mengekalkan sinar cahaya terang tetapi masih selamat pada jarak penglihatan.

ALAT BANTUAN MENUKAR HALUAN

Teknologi bantuan menukar haluan antara pilihan utama para pereka kereta dicetuskan ke dalam ciptaan mereka pada 2015 ini. Berbeza dari sistem amaran bertukar haluan sebelum ini, teknologi bantuan menukar haluan akan mengesan kenderaan dari arah belakang dan memberi amaran kepada pemandu jika isyarat menukar haluan diberikan. Sistem ini seperti yang terdapat pada Subaru Outback akan mengenal pasti kelajuan kenderaan lain dalam jarak lingkungan 230 kaki dan kemudian memancarkan lampu amaran pada cermin sisi jika pertukaran lorong tidak selamat atau tidak dapat disempurnakan.



RUANG PARKIR AUTONOMI

Terima kasih kepada kamera dan alat pengimbas yang membolehkan kereta anda terletak cantik ke dalam ruang parkir dalam keadaan selari atau lurus. Pemandu hanya mengawal transmisi, pedal minyak dan brek manakala pergerakan kereta akan diarahkan secara automatik. Teknologi ini telah berjaya dimanfaatkan pada banyak model seperti SUV Lincoln MKC 2015. Malah ia sangat membantu terutama apabila keluar dari ruang parkir yang sempit.

MENGHULURKAN BANTUAN UNTUK MISI BANTUAN MANGSA BANJIR PANGKALAN UDARA SUBANG, TENTERA UDARA MALAYSIA PADA 4 DISEMBER 2014



TAKLIMAT PEMANDU SEMPERNA MESYUARAT PANGLIMA ANGKATAN TENTERA ASEAN 2015, PUSAT TRANSIT, KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA PADA 5 FEBRUARI 2015



LAWATAN JABATAN LOGISTIK IPK SELANGOR, PDRM PADA 9 DISEMBER 2014



BERGAMBAR KENANGAN BERSAMA KAKITANGAN AUDIT SPANCO MERCU USAHA SDN BHD PADA 17 FEBRUARI 2015



PEMUKIMAN MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN KE-21

Dalam usaha menyokong Persidangan Ekonomi Menteri-Menteri ASEAN di Kelantan, Jabatan Perbendaharaan Malaysia dan SPANCO telah mengambil inisiatif untuk membekalkan kereta-kereta Kerajaan bagi melancarkan pergerakan para delegasi di Kota Bharu. Ia merupakan satu sokongan kepada Kerajaan sebagai tuan rumah dan memperkenalkan kereta Proton kepada para pegawai ASEAN.

TAKLIMAT KEPADA PEMANDU-PEMANDU MITI

IBU PEJABAT KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, JALAN DUTA PADA 23 FEBRUARI 2015



MAJLIS PENYERAHAN KERETA KEPADA PEMANDU-PEMANDU MITI

IBU PEJABAT KONTINJEN POLIS KELANTAN (IPK) PADA 26 FEBRUARI 2015



NEXUS GOLF RESORT KARAMBUNAI

CIPTA CABARAN DAN KEDAMAIAN BUAT 'KAKI GOLF'

HANYA 38km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah (KKIA) dan setengah jam perjalanan dari bandar raya Kota Kinabalu, Nexus Golf Resort Karambunai satu lagi destinasi percutian keluarga yang pasti menyeronokkan. Damai dengan suasana persekitaran alam serta desiran pantai yang menghadap Laut Cina Selatan, resort ini menyediakan padang golf 18 lubang, yang letaknya tidak jauh dari kawasan pantai.

Berlatarbelakangkan hutan tropika Borneo berusia ratusan jutaan tahun, padang golf 72 par bertaraf antarabangsa ini dicipta oleh pereka golf Amerika, Ronald Fream. Selain pernah menjadi tuan rumah untuk Kejohanan Terbuka Golf Amatur Malaysia yang ke-105 pada 2007, Nexus Golf Resort juga telah memenangi beberapa anugerah termasuklah Anugerah Resort Golf Terbaik dan Padang Golf Terbaik 2007/2008 bagi Sabah dan Sarawak melalui undian pembaca majalah 'Golf Malaysia Magazine'.

Selain padang yang cantik ia turut memberi cabaran kepada pemain agar lebih bersedia dengan kekuatan dan strategi untuk mengemudi halangan menyusuri aliran berliku, perangkap pasir dan kadangkala terpaksa berhadapan dengan tiupan kuat bayu laut. Mereka juga boleh memilih tahap permainan mengikut kemampuan masing-masing di mana lima lokasi 'teeing' sama ada merah, putih, hitam, biru dan warna emas disediakan pada setiap lubang.

Namun, keasyikan mengharungi cabaran semasa bermain bagai tidak terasa apabila dapat menikmati pemandangan indah bermula dari kaki hutan hingga ke persisiran pantai, turut mencipta kedamaian dengan tasik-tasik kecil dan terusan serta bukit kecil yang tentunya menggamit ketenangan kepada para pencinta golf. Pastinya mencetus pelbagai pengalaman berbeza buat mereka.

Nexus Resort & Spa Karambunai pula terletak di keluasan 3,335 hektar landskap semula jadi yang menempatkan 485 bilik dan vila-vila mewah. Borneo Spa eksklusif ini direka untuk memberi keselesaan kepada pengunjung dengan pelbagai kemudahan seperti spa, restoran, bar,



tempat istirahat dan rekreasi. Pengunjung juga boleh memilih untuk tinggal di Pool Villa yang menyediakan kolam renang peribadi, ruang tamu luas, lengkap dengan dapur serta taman persendirian.



KEASYIKAN MENGHARUNGI CABARAN
SEMASA BERMAIN BAGAI TIDAK
TERASA APABILA DAPAT MENIKMATI
PEMANDANGAN INDAH BERMULA DARI
KAKI HUTAN HINGGA KE PERSISIRAN
PANTAI, TURUT MENCIPTA KEDAMAIAN
DENGAN TASIK-TASIK KECIL DAN TERUSAN
SERTA BUKIT KECIL YANG TENTUNYA
MENGAMIT KETENANGAN KEPADA PARA
PENCINTA GOLF

Pengunjung juga boleh memilih untuk tinggal di Spa Suite, bilik yang nyaman direka dengan lif peribadi serta menikmati keindahan hutan hijau persekitaran mendamaikan dengan desiran ombak kecil sambil menghirup udara nyaman dari beranda.

Beristirahat di pantai, pengunjung boleh berbasikal dan menunggang kuda sambil menikmati udara segar. Sememangnya, percutian di Nexus Golf Resort & Spa Karambunai tentunya menggamit pengalaman yang sukar dilupakan untuk seisi keluarga.





TELEPERUBATAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN DARI RUMAH

Bakal Jadi Trend

Dunia bergerak pantas. Arus pemodenan terus berkembang pesat mencipta pelbagai kemudahan dengan teknologi masa kini. Hari ini, kita tidak perlu lagi bersusah payah ke hospital atau klinik, menunggu berjam-jam untuk mendapatkan nasihat atau membuat pemeriksaan kesihatan.

TELEPERUBATAN merupakan satu kaedah rawatan kesihatan jarak jauh antara doktor dan pakar perubatan dengan pesakit menggunakan kemudahan Internet, satelit, komunikasi audio, visual dan data. Ia meliputi penyediaan perkhidmatan, layanan, maklumat kesihatan serta khidmat nasihat dan perubatan yang dilakukan melalui interaksi audio-video dua hala, komputer dan telemetri.

Boleh dilakukan di rumah, pejabat atau di mana jua lokasi yang selesa untuk pesakit,

teleperubatan membantu dari pelbagai sudut termasuklah jarak, masa dan perkhidmatan. Doktor dan pihak hospital juga boleh mendapatkan data dan maklumat dengan cepat, malah, berupaya menyelamatkan nyawa dalam situasi kritikal dan kecemasan.

Berikutan dengan itu juga, menurut Institut Penyelidikan Kesihatan PwC (HRI), 'do-it-yourself healthcare' atau penjagaan kesihatan dari rumah dijangka akan menjadi trend utama kesihatan bagi keseluruhan tahun 2015.

KELEBIHAN TELEPERUBATAN & PENJAGAAN KESIHATAN DIY

- 1 Membantu pesakit yang tinggal jauh di pendalaman tanpa perlu hadir di hospital atau klinik.
- 2 Teknologi komunikasi seperti sidang video memudahkan doktor dan pembekal perubatan berkongsi maklumat tanpa perlu berjumpa.
- 3 Pemantauan pesakit melalui telefon pintar dan peranti mudah alih dapat mengurangkan lawatan pesakit luar serta kos perubatan.
- 4 Menyediakan akses pendidikan perubatan dan perkongsian maklumat perubatan dengan mudah lagi cepat.



5 Pesakit dapat memantau sendiri mutu kesihatan diri mereka.

6 Membenarkan rawatan susulan dan penyembuhan yang bukan hanya lebih murah tetapi selesai kepada pesakit.

7 Peluang untuk mencipta aplikasi dan teknologi yang dapat membangunkan lagi industri perubatan.

8 Membuka lebih banyak peluang pekerjaan baharu di dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan.

Di Amerika Syarikat, antara aplikasi dan peralatan yang telah pun diluluskan untuk pasaran ialah sistem bio-pengesan pakai buang yang dibangunkan oleh syarikat Vital Connect yang merekodkan kadar denyutan jantung, elektrokardiografi, pernafasan, suhu kulit, aktiviti dan posisi anggota badan.

Kit perubatan peribadi yang disasarkan kepada para penghidap penyakit jantung ini bertujuan menghubungkan mereka dengan hospital atau klinik tidak kira di mana jua mereka berada.

Ringkasnya, teleperubatan membuka ruang kepada pesakit untuk mengutamakan penjagaan kesihatan

dari rumah. Ia bukan sahaja mampu menjimatkan kos perubatan secara keseluruhan tetapi juga akan meletakkan tanggungjawab penjagaan kesihatan di atas bahu setiap individu, sekali gus menggalakkan amalan gaya hidup yang lebih sihat di kalangan masyarakat.



PILIHAN SERVIS ANDA

Simbol



Cawangan Proton Edar;
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

KEDAH - RAMLI MOTOR



RAMLI MOTOR



LOT 995, BENDANG SERA
JALAN PENGKALAN HULU
09100 BALING
TEL: 04-470 3681
FAKS: 04-470 7998

JURUTEKNIK: 6 ORANG
HOIST: 6 UNIT

PULAU PINANG - TOP ZONE AUTO PARTS & SERVICES SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR

TOP ZONE AUTO PARTS & SERVICES SDN BHD



33, 35 & 37, MUKIM 1
JALAN KELISA EMAS 1
SEBERANG JAYA
13700 SEBERANG JAYA
TEL: 04-399 3080 / 012-429 0989
FAKS: 04-397 2080

JURUTEKNIK: 6 ORANG
HOIST: 5 UNIT

PENUTUPAN - SENG KEE WORKSHOP SDN BHD

BERKUAT KUASA 31 DISEMBER 2014

830 JALAN INTAN, BATU DUA
33000 GRIK PERAK

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

PELANTIKAN BARU - CARZTELO AUTO SDN BHD



**CARZTELO AUTO
SDN BHD**



NO 67, 68 & 69, LOT 3088
JALAN BUKIT KETERI
02400 BESERI
PERLIS
TEL: 04-938 3779
FAKS: 04-938 3778

JURUTEKNIK: 7 ORANG
HOIST: 6 UNIT

PELANTIKAN BARU - MERCU USAHA AUTO SERVIS SDN BHD

**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR**

**MERCU USAHA AUTO SERVIS
SDN BHD**



NO. 1 JALAN BATU LINTANG
OFF LENCONGAN BARAT
08000 SUNGAI PETANI
KEDAH
TEL: 04-431 9829
FAKS: 04-431 1859

JURUTEKNIK: 4
HOIST: 6



PELANTIKAN BARU - AKSI AKTIF AUTO SERVICES (M) SDN BHD




**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR**

**AKSI AKTIF AUTO SERVICES (M)
SDN BHD**



NO. 716 & 717
JALAN BATIK 3/2, TAMAN BATIK
08000 SUNGAI PETANI
KEDAH
TEL: 04-441 7999/441 0888
FAKS: 04-441 7999

JURUTEKNIK: 6
HOIST: 5



Tiada gunanya kalau tidak diikat ketat.



**Ikut Topi Keledar Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Ramai penunggang motosikal merasakan bahawa dengan hanya memakai topi keledar sahaja sudah mencukupi tetapi topi keledar yang tidak berikat akan tercabut jika berlaku kemalangan. Memakai topi keledar tanpa ikatan samalah seperti tidak memakainya. Sentiasa ikat topi keledar kerana ia boleh menyelamatkan nyawa anda.

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.